

Peninggalan Kesultanan Singgora sebagai Warisan Ketamadunan Melayu-Islam di Songkhla, Thailand Selatan
(Remains of the Sultanate of Singora as Heritage of Malay-Muslim Civilization in Songkhla, Southern Thailand)

Irna Welani* & Dony Adriansyah Nazaruddin**

Abstrak

Bandar Songkhla di Thailand Selatan berasal daripada sebuah kerajaan Melayu-Islam iaitu Kesultanan Singgora Darussalam yang terletak di kawasan perbukitan Khao Daeng, di kawasan Singhanakhon sekarang. Bandar yang pada mulanya bernama Singgora ini didirikan pada awal abad ke-17 oleh seorang saudagar Parsi yang bernama Dato Mogol (atau Datuk Mughal, dikenali juga sebagai Datuk Muzaffar) yang kemudian menguasai Singgora dengan nama Sultan Muzaffar Shah. Kemangkatan baginda menyebabkan kesultanan ini diteruskan oleh puteranya bernama Sultan Sulaiman Shah yang berjaya membawa Singgora mencapai zaman kegemilangan. Setelah kemangkatannya pula, baginda digantikan oleh puteranya yang bernama Sultan Mustafa Shah. Konflik yang berpanjangan pada akhir abad ke-17 telah menyebabkan runtuhnya kerajaan ini. Namun, masih sukar ditemukan rujukan yang terperinci dan terkini mengenai kesultanan ini beserta peninggalannya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengungkap sejarah Kesultanan Singgora dan peninggalannya sebagai warisan sejarah ketamadunan Melayu-Islam di Songkhla. Data dan maklumat untuk kajian ini diperolehi melalui kajian kepustakaan, kajian lapangan, perbincangan dan temubual dengan institusi berkaitan dan masyarakat tempatan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Kesultanan Singgora pernah berkuasa selama 75 tahun (1605-1680) di kawasan ini berdasarkan bukti tapak-tapak peninggalan sejarah seperti makam Sultan Sulaiman Shah dan keluarganya, tembok kota, jaringan kubu pertahanan, dan parit pertahanan. Diharapkan peninggalan ini dapat dipelihara sebagai tapak arkeologi kerana sememangnya ia dapat mengungkap sejarah ketamadunan Melayu-Islam di Songkhla bagi generasi sekarang dan akan datang.

Kata kunci: Kesultanan Singgora, sejarah ketamadunan, Melayu-Islam, arkeologi, Songkhla.

Abstract

The city of Songkhla in Southern Thailand was originally from a Malay-Muslim kingdom called the Sultanate of Singora Darussalam. This sultanate was located in the Khao Daeng hilly area in the present Singhanakhon area. The city which was previously named Singora was founded in the early 17th Century by a Persian merchant named Dato Mogol (or Datuk Mughal, also known as Datuk Muzaffar) who later ruled Singgora under the name of Sultan Muzaffar Shah. His death caused this sultanate to be continued by his son, Sultan Sulayman Shah, who succeeded in bringing Singora to its glory. After his death, he was replaced by his son named Sultan Mustapha Shah. The prolonged conflict of the late 17th Century led to the collapse of this kingdom. However, it is still difficult to find detailed and up-to-date references to this sultanate and its legacy. Therefore, this study aims to reveal the history of the Sultanate of Singora and its legacy as the heritage of a Malay-Muslim history of civilization in Songkhla. Data and information for this study were obtained through literature review, field study, discussion and interviews with related institutions and local communities. The results of this study show that the Sultanate of Singora once ruled for 75 years (1605-1680) in this area based on evidence of historical sites such as the tomb of Sultan Sulayman Shah and his family, a city wall, a network of forts, and a moat. It is hoped that Songkhla's heritage can be preserved as archaeological sites because indeed it can uncover the history of the Malay-Muslim civilization in Songkhla for present and future generations.

Keywords: *Sultanate of Singora, history of civilization, Malay-Muslim, archaeology, Songkhla.*

* Irna Welani, English Instructor, Thamsuksa Mulniti School, 58/1 Soi 41, Phetkasem Road, Hat Yai, Thailand. Email: imawelani2410@gmail.com.

** Dony Adriansyah Nazaruddin (corresponding author), Marine Geoscience Program, Faculty of Science and Marine Environment, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu, Malaysia. Email: donyadriansyah2704@gmail.com.

Pengenalan

Wilayah Songkhla mempunyai tapak-tapak warisan sejarah peradaban Melayu-Islam yang merupakan peninggalan Kesultanan Singgora pada abad ke-17 M yang terletak di sekitar kawasan perbukitan Khao Daeng (yang bermakna Bukit Merah, oleh sebab warna merah pada bebatuan perbukitan tersebut) yang sekarang menjadi bahagian daripada Jajahan Singhanakhon di wilayah Songkhla, Thailand Selatan (Rajah 1). Kesultanan ini membuka bandar Singgora pada awal abad ke-17 yang kemudian menjadi sebuah negara kota dan menjadi asal mula bandar Songkhla yang wujud saat ini. Singgora (Jawi: سيڠغورا) bermakna Bandar Singa disebabkan adanya perbukitan yang berbentuk singa terlihat dari bandar ini, iaitu Pulau Kucing dan Pulau Tikus yang terletak di perairan Teluk Siam. Bandar ini telah mengalami beberapa kali perpindahan dari kawasan asal Khao Daeng (1605-1680) ke sebelah selatannya iaitu di kawasan Laem Son (1699-1776), dan kemudian berpindah ke sebelah tenggara di seberang Tasik Songkhla iaitu di kawasan Bor Yang dengan nama bandar Songkhla (1842-sekarang) yang menjadi ibu negeri wilayah Songkhla pada masa sekarang.¹ Jeremias van Vliet, seorang pengarah sebuah kilang perusahaan Hindia Timur Belanda di Ayutthaya, menceritakan bahawa Singgora bersama dengan Ligor (sekarang bernama Nakhon Si Thammarat) dan Berdelongh (sekarang Patthalung) sudah lama dikenali sebagai bandar pelabuhan dan pusat perdagangan penting bagi timah, timbal, dan lada.² Singgora merupakan bahagian dari jaringan laluan darat dan sungai yang mempercepat perdagangan trans-semenanjung dengan Kesultanan Kedah.³ Para penulis terdahulu dari beberapa negara menyebut Singgora dengan nama yang berlainan, seperti “Singor”, “Cingor”, dan “Soncourat” yang disebut oleh penulis Perancis,⁴ “Sangora” oleh penulis dari Britain,⁵ dan “Shinichu” oleh penyelidik Jepun.⁶

Sekalipun tidak berumur singkat iaitu hanya selama 75 tahun (1605–1680), tetapi Kesultanan Singgora telah meninggalkan beberapa peninggalan sejarah ketamadunan Melayu-Islam yang perlu dipelihara sebagai tapak-tapak arkeologi untuk bahan pembelajaran dan penyelidikan pada masa sekarang dan akan datang. Kajian ini mengungkap secara terperinci sejarah Kesultanan Singgora dan peninggalannya dalam keadaan semasa sebagai khazanah warisan sejarah peradaban Melayu-Islam dan sebagai maklumat pelancongan di Songkhla.

Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif digunakan pada kajian ini. Pada tahap awal, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpulkan data dan maklumat yang berkaitan dengan Kesultanan Singgora, terutama melalui pencarian secara dalam talian (*online*) dalam bentuk jurnal, tesis, buku, dan laman web. Selepas itu, penulis menjalankan kajian lapangan pada 10-11 Oktober 2020 di tapak-tapak peninggalan kesultanan tersebut untuk mengamati secara langsung keadaan terkini serta mengumpulkan data (berupa lokasi, kebolehcapaian, saiz) dan maklumat lainnya daripada setiap tapak peninggalan yang masih wujud, seperti makam, tembok kota, jaringan kubu dan parit pertahanan.

Selain itu, kaedah perbincangan dan temubual secara langsung dan melalui e-mel dilakukan kepada beberapa institusi berkaitan seperti Pusat Maklumat Arkeologi di Singhanakhon dan Amanah Warisan Songkhla (*Songkhla Heritage Trust*) di Songkhla untuk mendapatkan maklumat berkenaan sejarah Kesultanan Singgora beserta jenis dan lokasi peninggalannya. Beberapa warga tempatan pula ditemubual untuk menceritakan apa-apa yang terdapat di setiap tapak peninggalan beserta pelawat yang datang ke tapak-tapak tersebut.

¹ Srisuporn Choungsakul (2006), “The Role of Chinese Traders on the Growth of Songkhla,” *Manusya Journal of Humanities*, Jil. 9, Bil. 2, h. 45.

² L. F. van Ravenswaay (1910), “Translation of van Vliet’s Description of the Kingdom of Siam,” *Journal of the Siam Society*, Jil. 7, Bil. 1, h. 68.


³ Maziar Mozaffari Falarti (2013), *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society*, Plymouth: Lexington Books, h. 147148.

⁴ Nicolas Gervaise (1688), *Histoire Naturelle et Politique du Royaume de Siam (Bahasa Perancis)*. Paris: Claude Barbin, h. 6162.

⁵ Simon de la Loubère (1693), *A New Historical Relation of the Kingdom of Siam*, Vol. 1, London: Horne, h. 90.

⁶ Iwamoto Yoshiteru and Simon James Bytheway (2011), “Japan’s Official Relations with Shamuro (Siam),” *Journal of the Siam Society*, Jil. 99, h. 81.

Rajah 1: Peta lokasi Kesultanan Singgora (ditandakan dengan titik merah) dan beberapa lokasi penting lainnya. (a) Peta negara Thailand; (b) Peta sebahagian wilayah Thailand Selatan; (c) Peta wilayah Songkhla dan lokasi bandar Songkhla dahulu dan sekarang⁷



Sejarah Kesultanan Singgora

Sejarah awal Singgora bermula daripada kedatangan seorang saudagar dan ulama Parsi bernama Dato Mogol (atau Datuk Mughal, disebut juga Datuk Muzaffar) beserta keluarga dan pengikutnya dari Jawa Tengah (Indonesia) pada tahun 1602. Disebabkan oleh perbalahan yang terjadi di Kerajaan Mataram Islam di Jawa, rombongan ini berhijrah daripada tanah Jawa dan bermastautin di Sathing Phra (sekarang menjadi salah sebuah jajahan di wilayah Songkhla). Kemudian pada tahun 1603 mereka berpindah ke arah selatan dan mendirikan sebuah kerajaan iaitu Kesultanan Singgora Darussalam pada tahun 1605 di kawasan perbukitan Khao Daeng di kawasan yang sekarang bernama Singhanakhon. Dato Mogol menjadi sultan pertama memerintah Singgora dengan nama Sultan Muzaffar Shah yang dinyatakan sebagai seorang yang mahir dalam selok-belok ketenteraan dan strategi pentadbiran. Semasa baginda memerintah, wilayah jajahan Singgora semakin meluas dan membentang dari pantai timur di Teluk Siam hingga pantai barat di Laut Andaman termasuk Patalung (Patthalung), Terang (Trang), dan Setul (Satun). Pada masa itu Singgora telah menjadi tumpuan para pedagang dari Eropah, Arab, Parsi, China, Jepun, dan kawasan nusantara.⁸ Sumber lain menyebutkan bahawa pada tahun 1605 Dato Mogol telah dilantik sebagai Gabenor General Songkhla oleh Raja Eakathosarot daripada Ayutthaya.⁹ Walaupun demikian, kedudukan baginda adalah di bawah kekuasaan Kerajaan Siam (Ayutthaya) dan diharuskan membayar ufti kepada Siam. Namun, baginda memiliki hak untuk berhubung dengan pihak luar untuk memajukan ekonomi dan perdagangan Singgora.¹⁰

Berdasarkan sejarah keluarganya, Sultan Muzaffar mempunyai tiga orang anakanda iaitu Sulaiman, Farizi, dan Fatimah. Pada tahun 1619 Sultan Muzaffar Shah mangkat dan digantikan oleh putera sulungnya yang bernama Sulaiman dalam memimpin Kesultanan Singgora. Pada zaman Sultan Sulaiman Shah (Rajah 2a), Kesultanan Singgora mencapai puncak kemajuan dan kejayaannya.¹¹ Keluarga Sultan Sulaiman Shah adalah orang-orang Muslim Sunni yang mana ayahanda Sultan Sulaiman iaitu Sultan Muzaffar adalah seorang pengembara yang mempunyai garis keturunan dari Parsi (Iran) dan telah menetap lama di Indonesia sebelum berhijrah dan mendirikan Kesultanan Singgora.¹² Pada tahun 1642 Sultan Sulaiman Shah membuat deklarasi kemerdekaan Singgora daripada Ayutthaya (Siam). Baginda pula meneruskan usaha ayahandanya dalam membangunkan dan mempertahankan

⁷ Choungsakul (2006), "The Role of Chinese Traders on the Growth of Songkhla," h. 46.

⁸ Syed Mohd Zakir Syed Othman (2012), "Kerajaan Melayu Singgora di Songkhla," *Pusat Kajian Budaya dan Sains Nusa Centre*, <http://nusacentre.org/penyelidikan/penyelidikan-2/>, h. 1.

⁹ Pensuda Chounchaisit (2007), "The Study of Cultural Heritage Management of Wat Matchimawat (Wat Klang), Songkhla Province, Thailand," Tesis Kedoktoran, Silpakorn University, h. 158.

¹⁰ Choungsakul (2006), "The Role of Chinese Traders on the Growth of Songkhla," h. 45.

¹¹ Royal Thai Navy (2014), "Sejarah Keluarga Sultan Sulaiman (Bahasa Thai)," <http://www.navy.mi.th/navic/document/840806a.html>.

¹² Julispong Chularatana (2013), "Muslim Syiah di Thailand: Dari Periode Ayutthaya Sampai Sekarang," dalam Dicky Sofjan (ed.), *Sejarah dan Budaya Syiah di Asia Tenggara*, Yogyakarta: Sekolah Pascasarjana Universitas Gadjah Mada, h. 129.

kawasan kerajaan, seperti memodenkan pelabuhan, membina tembok kota dan parit pertahanan, dan membina sebuah jaringan kubu yang tersebar dari dataran dan pelabuhan hingga ke puncak perbukitan Khao Daeng serta menambahbaik kubu-kubu tersebut.¹³ Bahkan baginda juga telah berusaha membina terusan yang menghubungkan Teluk Siam di sebelah timur dengan Laut Andaman di sebelah barat, namun gagal disebabkan adanya Banjaran Tanah Seri (*Tenasserim Hills*) yang besar. Pada masa ini, Singgora telah menjadi pelabuhan bebas cukai. Baginda menyedari bahawa kemakmuran dan kemasyhuran Singgora akan mendatangkan kecemburuan bagi pihak lain, termasuk bagi jirannya Kerajaan Patani, Kerajaan Kedah, dan Kerajaan Siam. Sepanjang pemerintahan Sultan Sulaiman, Kerajaan Siam (Ayutthaya) tidak henti-hentinya melakukan serangan dan pencerobohan, namun semuanya gagal dengan izin Allah.¹⁴

Sultan Sulaiman memiliki tiga orang putera: Mustafa, Husen, dan Hasan. Kemangkatan Sultan Sulaiman pada tahun 1668 menyebabkan kepimpinan Singgora beralih kepada putera sulungnya, Mustafa dengan gelaran Sultan Mustafa Shah.¹⁵ Perang Singgora – Pattani berlaku pada 1670. Selepas itu, Siam yang dipimpin oleh Raja Narai Maharaj dan Angkatan Tentera yang diketuai oleh Phraya Ranchodo serta turut dibantu oleh Belanda dan Portugis telah menyerang dan mengepung Singgora habis-habisan sejak tahun 1679. Pada tahun 1680 Kesultanan Singgora dapat ditewaskan sehingga kesultanan beserta aset dan rakyatnya dikuasai oleh Siam. Mustafa dan dua adindanya Husen dan Hasan dipindahkan ke Cahaya (Chaiya, sekarang menjadi jajahan daripada wilayah Surat Thani). Siam kemudian melantik Mustafa dan beberapa ahli keluarganya memegang jawatan tertentu. Mustafa dilantik menjadi pemerintah Siam di Chaiya dengan gelaran Phraya Picit Phalodi Sipicai Songkram (Phraya Chaiya, setaraf gabenor), Husen dilantik menjadi Raja Muda Chaiya, Hasan dilantik menjadi laksamana tentera Siam, sedangkan Putera Mahkota Singgora yang bernama Taufik dibawa ke Ayutthaya. Sementara itu, orang Melayu-Islam Singgora ditawan dan dibawa ke Ayutthaya. Siam juga merampas sebuah meriam daripada salah sebuah kubu.¹⁶ Pada meriam tersebut terdapat cap Kesultanan Singgora atau cap Sultan Sulaiman Shah yang bertuliskan Bahasa Arab “*‘Alamatu sahib as-Sulthan Sulaiman Shah Malik al-Muzaffar ism laqabihi fi hijrat thalathin wa sittuna wa alf fi sanat al-alif wa arba’a yaum min shahr Dhulqai’dah fi yaumul ithnayn*” yang bermakna “Cap Sultan Sulaiman Shah, Raja Kemenangan adalah gelarnya. 4 Dzulqaidah 1063 H” (bersamaan dengan 26 September 1653)¹⁷ (Rajah 2b).

Mengikut sejarah keluarga Sultan Sulaiman, generasi berikutnya dari Sultan Sulaiman memiliki hubungan yang erat dengan Kerajaan Siam. Puteri Sri Sulalai (keturunan dari Sultan Sulaiman) adalah permaisuri Raja Rama II dan ibu daripada Raja Rama III. Beberapa keturunan dari Sultan Sulaiman juga pernah memegang jawatan penting dalam pemerintahan Thailand, seperti Laksamana Nippon Sirithorn (seorang laksamana Tentera Laut Kerajaan Thailand) dan General Chavalit Yongchaiyudh (Perdana Menteri Thailand ke-22 dan masih hidup hingga kini berusia 88 tahun).¹⁸

Jenis-jenis Peninggalan Kesultanan Singgora

Beberapa tapak peninggalan Kesultanan Singgora yang telah berumur 300-400 tahun masih dapat dijumpai hingga saat ini. Kebanyakan tapak peninggalan ini terbuat daripada bebatuan yang dijangka berasal dari perbukitan Khao Daeng yang terletak berhampiran dengan tapak-tapak tersebut. Menurut kajian geologi, perbukitan Khao Daeng terdiri daripada bebatuan sedimen yang meliputi batu lumpur, batu pasir, batu pasir kuarsitik, syal berfosil, dan batu rijang dengan struktur silang lapis.¹⁹

Walaupun demikian, berdasarkan temubual penulis dengan seorang pakar dari Amanah Warisan Songkhla, Vudhichai Phetsuwan (pada 19 Disember 2020), hingga saat ini tidak dijumpai istana dan masjid peninggalan Kesultanan Singgora. Adapun sebuah masjid binaan baru di kawasan bekas

¹³ Chouchaisit (2007), “The Study of Cultural Heritage Management of Wat Matchimawat (Wat Klang), Songkhla Province, Thailand,” h. 158.

¹⁴ Syed Mohd Zakir (2012), “Kerajaan Melayu Singgora di Songkhla,” h. 1-2.

¹⁵ Suratthani Tourist Information (2011), “Good Man Town,” http://media.suratthani.go.th/document/good_man_town/PDF_Zone_1_1.

¹⁶ Syed Mohd Zakir (2012), “Kerajaan Melayu Singgora di Songkhla,” h. 2.

¹⁷ Amin Sweeney (1971), “Some Observations on the Malay Sha’ir”. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 4, Bil. 1, h. 56.

¹⁸ Royal Thai Navy (2014), “Sejarah Keluarga Sultan Sulaiman (Bahasa Thai).”

¹⁹ Phisit Dheeradilok (2007), *Geology for the Development of Songkhla Lake Basin, Thailand*, Bangkok: Department of Mineral Resources, Thailand. h. 194.

kesultanan tersebut telah dinamakan “Masjid Sultan Sulaiman Shah” terinspirasi daripada nama sultan yang pernah berkuasa di kawasan tersebut suatu masa dahulu. Rajah 3 menunjukkan lokasi-lokasi tapak peninggalan Kesultanan Singgora yang dapat dilawati secara percuma bagi pelawat, baik warga tempatan dan warga Thailand dari pelbagai kawasan mahupun pelancong dari luar negara. Beberapa warga tempatan memaklumkan kepada penulis bahawa pelancong Malaysia adalah antara pengunjung yang paling ramai melawat tapak-tapak peninggalan Kesultanan Singgora ini. Namun, semasa pandemik Covid-19 melanda, jumlah pelawat menjadi amat sedikit dan para pelawat hanya berasal daripada kalangan warga tempatan atau warga asing yang menetap di Thailand sahaja. Penjelasan terperinci mengenai tapak-tapak peninggalan kesultanan ini adalah sebagai berikut:

Rajah 2: (a) Gambar Sultan Sulaiman Shah (memerintah pada tahun 1619-1668) seperti yang dipamerkan di makam beliau; (b) Cap Sultan Sulaiman Shah yang terdapat pada salah sebuah meriam Singgora yang kini tersimpan di halaman Royal Hospital Chelsea, London, Britain



Sumber: <https://collections.royalarmouries.org/object/rac-object-2835.html>.

Rajah 3: Peta lokasi tapak peninggalan Kesultanan Singgora. (a) Peta negara Thailand; (b) Peta kawasan Khao Daeng, Singhanakhon dan sekitarnya



Sumber: Google Earth

Makam Sultan Sulaiman Shah dan keluarganya

Makam Sultan Sulaiman Shah dan keluarganya ($7^{\circ}14'04.55''N$, $100^{\circ}33'24.03''E$) terletak di tanah pengebumian Muslim yang berjarak sekitar satu kilometer di utara perbukitan Khao Daeng (Rajah 4). Jalan masuk menuju lokasi makam sangat baik kerana terletak di tepi jalan utama 408, sehingga boleh dijangkau dengan menaiki kenderaan. Makam ini dijaga oleh seorang warga tempatan yang selalu

berada di kawasan tersebut dan membersihkan makam tersebut. Makam Sultan Sulaiman sendiri berada di dalam sebuah binaan berbentuk rumah kecil dengan rekabentuk Thai dan berinding putih di kawasan yang dikelilingi oleh pokok-pokok besar. Pada makam Sultan Sulaiman terdapat gambar Sultan Sulaiman memakai pakaian kebesaran baginda. Di sebelah makam baginda adalah makam anandanya iaitu Sultan Mustafa Shah. Di bahagian lain berdekatan dengan makam Sultan Sulaiman adalah makam permaisuri. Menurut maklumat yang diperolehi daripada penjaganya, makam ini sering diziarahi oleh para penziarah warga tempatan mahupun warga asing terutama warga Malaysia. Selain daripada kalangan Muslim, ramai juga orang Buddha yang datang berkunjung ke makam ini kerana mereka juga menghormati baginda.²⁰

Rajah 4: Kompleks makam Sultan Sulaiman Shah dan keluarganya. (a) Rumah yang di dalamnya terletak makam Sultan Sulaiman Shah; (b) Makam Sultan Sulaiman Shah; (c) Papan maklumat berkenaan Sultan Sulaiman Shah yang terletak di hadapan makam; (d) Makam ananda sultan; (e) Makam permaisuri Sultan Sulaiman Shah; (f) Makam ahli keluarga dan warga Muslim yang lain; (g) Dataran tempat para pelawat; (h) Berbincang dengan penjaga makam mengenai selok-belok kawasan makam.



Tembok Kota Singgora

Sebuah tembok atau dinding kota peninggalan Kesultanan Singgora pada abad ke-17 masih berdiri kukuh di kaki Bukit Khao Daeng, walaupun berlaku kerosakan pada beberapa bahagiannya (Rajah 5). Tembok sepanjang kurang lebih 130 meter (memanjang daripada koordinat 7°13'33.08"N, 100°33'50.12"E hingga 7°13'34.97"N, 100°33'53.75"E) dengan ketebalan sekitar 1.5 meter dan ketinggian sekitar 2.5 meter ini terletak berdekatan jalan utama 4222 dan berdekatan simpang tiga antara jalan 4222 dan 408 serta melalui sebuah jalan kampung untuk menuju lokasi tembok tersebut. Lokasi ini boleh dijangkau dengan kenderaan. Tembok tebal ini terbuat daripada pecahan-pecahan batuan berwarna merah yang dijangka berasal daripada bebatuan yang terdapat di perbukitan Khao Daeng. Tembok ini bersambung dengan kubu 1 dan memanjang sejajar dan berhampiran dengan batang air yang dibina sebagai parit pertahanan.

²⁰ Alexander Horstmann (2008), "Pilgrimage and the Making of Ethnic Identities of the Plural Peninsula," dalam Michael J. Montesano dan Patrick Jory (ed.), *Thai South and Malay North: Ethnic Interactions on a Plural Peninsula*, Singapore: NUS Press, h. 282-283.

Rajah 5: Tembok kota Singgora. (a) Tampak dari hadapan/samping; (b) Tampak dari atas.



Jaringan Kubu Pertahanan Singgora

Untuk mempertahankan kawasan kesultanan daripada serangan musuh, Sultan Sulaiman telah meneruskan usaha membina sebuah jaringan kubu pertahanan Singgora yang dimulakan oleh ayahandanya Sultan Muzaffar sejak awal abad ke-17. Jaringan kubu ini terdiri daripada 18 kubu dan masing-masing kubu dibuat daripada pecahan-pecahan batuan berwarna merah yang berasal daripada perbukitan Khao Daeng. Kubu-kubu ini dilengkapi dengan meriam-meriam yang dibeli daripada saudagar-saudagar Belanda dan Britain. Selain itu, para tentera Singgora telah terlatih dalam menghadapi peperangan.²¹ Sumber lain menyebutkan bahawa terdapat 14 kubu pertahanan yang merupakan peninggalan Kesultanan Singgora yang kini boleh dilawati oleh para pelawat.²²

Untuk mencari lokasi serta mengumpulkan data dan maklumat berkenaan kubu-kubu tersebut, selain diperolehi daripada sumber rujukan yang sedia ada, penulis telah pula menemu bual seorang pakar daripada Pusat Maklumat Arkeologi Songkhla di Singhanakhon yang pejabatnya terletak berdekatan dengan kubu 4. Dari jumlah tersebut, penulis hanya berjaya menemui 11 kubu semasa melakukan kajian lapangan. Kubu-kubu lain yang tidak ditemukan dijangka telah musnah oleh sebab pembangunan pemukiman penduduk.

Penomboran kubu adalah mengikut maklumat daripada Kementerian Kebudayaan Thailand.²² Tiga kubu (Kubu 1, 2, dan 3) terletak di dataran kaki perbukitan Khao Daeng, enam lainnya (Kubu 4, 5, 6, 7, 8, dan 18) terletak di atas perbukitan Khao Daeng, satu kubu (Kubu 9) terletak di kaki bukit Khao Noi, dan satu kubu lainnya terletak di atas puncak bukit Khao Noi. Seperti halnya tembok kota Singgora, jaringan kubu pertahanan ini memiliki dinding yang kukuh dan tebal terbuat daripada bebatuan yang berwarna merah yang dijangka berasal dari perbukitan Khao Daeng. Kesemua kubu ini berbentuk empat segi. Kubu 1, 2, 3, 4, 5, 6, dan 18 terletak pada satu garisan yang secara relatif lurus memanjang bermula dari dataran kaki bukit, cerun bukit, hingga puncak bukit Khao Daeng.

Kubu 1, 2, dan 3 boleh dijangkau dengan menggunakan kenderaan. Kubu 1 ($7^{\circ}13'33.09''N$, $100^{\circ}33'49.78''E$; Rajah 6a) dengan ukuran sekitar 22 meter x 17 meter dan tinggi sekitar 4.5 meter terletak berhampiran dan bersambung terus dengan tembok kota Singgora. Pelawat perlu melalui jalan utama 4222 berdekatan dengan simpang tiga (antara jalan 4222 dan 408) dan melalui sebuah jalan kampung yang melewati tembok kota Singgora sebelum bertemu dengan kubu ini. Walaupun masih berdiri kukuh, namun kubu ini mengalami kerosakan yang cukup teruk di pada beberapa bahagian terutama pada bahagian atas. Pada bahagian belakang kubu ini terdapat pemukiman penduduk. Kubu 2 ($7^{\circ}13'27.93''N$, $100^{\circ}33'52.72''E$; Rajah 6b) terletak sekitar 180 meter ke arah tenggara daripada kubu 1. Kubu yang berukuran 16.5 meter x 8.5 meter dan tinggi sekitar 3 meter ini berbentuk separuh piramid dengan bentuk datar di bahagian atasnya. Kubu ini juga terletak di tengah pemukiman penduduk. Sementara kubu 3 ($7^{\circ}13'22.94''N$, $100^{\circ}33'55.87''E$; Rajah 6c) berukuran sekitar 11.5 meter x 10.5 meter dan tinggi 3 meter terletak sekitar 180 meter ke arah tenggara daripada kubu 2 di sebuah padang yang dikelilingi oleh pokok-pokok yang rendah. Seperti kubu 2, kubu ini juga berbentuk separuh piramid dengan bentuk datar pada bahagian atasnya.

²¹ Chounchaisit (2007), "The Study of Cultural Heritage Management of Wat Matchimawat (Wat Klang), Songkhla Province, Thailand," h. 158.

²² Ministry of Culture Thailand (2011), "Kubu dan Tembok Kota Singgora (Bahasa Thai)," www.m-culture.in.th/album/166220.

Kubu 4, 5, dan 6 terletak di sepanjang cerun perbukitan Khao Daeng dengan keadaan yang terpelihara baik. Kubu-kubu ini dapat dijangkau dengan berjalan kaki atau mendaki menyusuri cerun bukit. Kubu-kubu ini berbentuk empat segi dengan sela-sela pada beberapa bahagian. Kubu 4 berjarak sekitar 370 meter daripada kubu 3. Kubu 4 ($7^{\circ}13'13.19''N$, $100^{\circ}34'02.85''E$; Rajah 6d) dan kubu 5 ($7^{\circ}13'10.86''N$, $100^{\circ}34'05.14''E$; Rajah 6e) yang secara relatif berukuran sama iaitu sekitar 12 meter x 8 meter dengan tinggi dinding maksimum sekitar 3 meter. Jarak antara kubu 4 dan kubu 5 adalah sekitar 100 meter. Sementara kubu 6 ($7^{\circ}13'08.12''N$, $100^{\circ}34'08.01''E$; Rajah 6f) yang berjarak 120 meter daripada kubu 5 memiliki ukuran yang lebih besar iaitu sekitar 23.5 meter x 14.8 meter dan tinggi menjangkau 2 meter. Dari dalam kubu 6, pelawat dapat menikmati panorama perbukitan Khao Daeng dan sekitarnya, Tasik Songkhla, dan Teluk Thailand.

Sekalipun terletak berhampiran dengan jalan utama 4222 (sekitar 20 meter), Kubu 7 ($7^{\circ}13'22.74''N$, $100^{\circ}34'08.09''E$) agak sukar dijangkau secara dekat disebabkan tiada jalan yang baik menuju ke sana dan berada dalam hutan yang tebal di atas perbukitan Khao Daeng. Kubu ini berukuran 10 meter x 7 meter dengan tinggi 1 meter dan telah mengalami kerosakan yang cukup teruk. Sementara itu, kubu 8 ($7^{\circ}13'20.35''N$, $100^{\circ}34'26.05''E$; Rajah 6g) terletak di atas perbukitan Khao Daeng pada sebelah timur laut, berhampiran dengan jalan utama 4222 (sekitar 300 meter) dan mudah dijangkau dengan menggunakan tangga simen yang sememangnya dibina bagi para pelawat. Tangga ini terletak berhampiran dengan Masjid Sultan Sulaiman Shah. Kubu yang terpelihara dengan baik ini berukuran 18 meter x 12 meter dan tingginya sekitar 1.8 meter. Di kubu ini terdapat sebuah meriam peninggalan Kesultanan Singgora yang digunakan untuk menghadapi musuh ketika itu (Rajah 6h). Apabila berada di kubu ini, pelawat boleh pula mengambil kesempatan untuk menikmati panorama Teluk Thailand, Tasik Songkhla, Pulau Kucing dan Pulau Tikus, terminal feri dan bandar Songkhla.

Kubu yang paling senang untuk dijangkau adalah kubu 9 ($7^{\circ}13'09.29''N$, $100^{\circ}33'24.48''E$; Rajah 6i) yang terletak di kaki sebuah bukit bernama Khao Noi dan di tepi jalan utama 408 yang menghubungkan Pulau Ko Yo dan Singhanakon. Kubu ini boleh dijangkau dengan kenderaan. Kubu yang berukuran 10.2 meter x 9.6 meter dan tinggi sekitar 5 meter ini merupakan kubu yang paling cantik, lengkap, dan terpelihara dengan baik. Seni binanya menyerupai kubu-kubu di Eropah. Kubu ini berjarak sekitar 1.07 kilometer daripada kubu 1.

Sementara itu, kubu 16 ($7^{\circ}13'01.45''N$, $100^{\circ}33'30.30''E$; Rajah 7j) terletak di atas puncak bukit Khao Noi dengan jarak 300 meter daripada kubu 9. Kubu ini berukuran sekitar 20 meter x 18 meter dengan tinggi menjangkau 4 meter. Jalan masuk menuju ke kubu ini adalah dengan berjalan kaki atau mendaki melalui jalan kecil di belakang kubu 9. Kubu 18 ($7^{\circ}13'01.90''N$, $100^{\circ}34'10.68''E$; Rajah 6k) terletak di atas puncak perbukitan Khao Daeng. Pendakian ke kubu 18 akan melewati kubu 4, 5, dan 6. Kubu 18 berjarak sekitar 210 meter dari kubu 6. Kubu 16 dan 18 telah digunakan oleh penganut agama Buddha sebagai tempat peribadatan mereka dengan membina beberapa patung dan stupa (pagoda) di atas setiap kubu. Dua stupa di atas kubu 18 dibina pada tahun 1830-an untuk memperingati peperangan dengan Patani dan Kedah.²³

²³ Ministry of Culture Thailand (2011), "Kubu dan Tembok Kota Singgora (Bahasa Thai)."

Rajah 6: Kubu-kubu pertahanan yang dibina oleh Kesultanan Singgora yang masih dapat dijumpai hingga kini. (a) Kubu 1; (b) Kubu 2; (c) Kubu 3; (d) Kubu 4; (e) Kubu 5; (f) Kubu 6; (g) Kubu 8; (h) Meriam di kubu 8; (i) Kubu 9; (j) Kubu 16; (k) Kubu 18 dengan stupa di bahagian atas (dibina oleh penganut Buddha).



Parit Pertahanan

Sebuah parit digali pada masa Kesultanan Singgora untuk melindungi bandar Singgora daripada serangan musuh. Parit pertahanan (dalam bahasa Inggeris disebut *moat*) ini kini masih lagi dapat dijumpai berupa satu badan air yang menyerupai sungai (Rajah 7). Tidak diketahui berapa panjang, lebar, dan dalam parit ini semasa digali dahulu, namun keadaannya sekarang menunjukkan bahawa saki-baki parit ini memiliki panjang sekitar 350 meter mengikut arah timur-laut–barat daya ($7^{\circ}13'29.73''N$, $100^{\circ}33'44.39''E$ hingga $7^{\circ}13'36.56''N$, $100^{\circ}33'53.24''E$), lebar purata 10 meter, dan kedalaman yang cetek iaitu lebih kurang 1 meter. Parit ini memanjang yang secara relatif selari dengan tembok kota dan kedua-duanya terpisah sekitar 40 meter. Sultan Sulaiman memerintahkan untuk membina parit pertahanan ini di sekitar pemukiman penduduk pada masa itu dengan membahagikan kawasan tersebut menjadi kawasan dalam dan luar, serta digunakan untuk pengangkutan (seperti halnya sungai).²⁴

Rajah 7: (a) Parit pertahanan yang dibina oleh Kesultanan Singgora yang masih dapat dijumpai saki-bakinya hingga kini; (b) Kenampakan parit pertahanan Singgora daripada Google Earth.



²⁴ Chounchaisit (2007), "The Study of Cultural Heritage Management of Wat Matchimawat (Wat Klang), Songkhla Province, Thailand," h. 155.

Peninggalan-peninggalan lain

Selain daripada beberapa peninggalan yang telah dijelaskan di atas, ada pula peninggalan lain yang berkaitan dengan Kesultanan Singgora, iaitu tanah perkuburan Belanda yang terletak sekitar 300 meter ke arah selatan daripada kompleks makam Sultan Sulaiman Shah dan keluarganya. Tanah perkuburan ini terletak di halaman salah sebuah pejabat PTT Petroleum, syarikat minyak milik Kerajaan Thailand. Pada masa itu ramai orang Belanda tinggal di Singgora untuk berdagang, menjadi tentera, bekerja sebagai perancang bandar, serta ikut membina kubu-kubu dan tembok kota. Papan tanda di hadapan tanah perkuburan itu tertulis dalam bahasa Inggeris yang bererti:

Songkhla lama atau Singkhora merupakan gudang barang antarabangsa yang penting pada abad ke-17 M kerana beberapa sebab. Sebagai contoh, terletak di pantai timur Thailand, ia menyediakan kapal asing dengan jalan masuk yang cekap ke pasar pertukaran. Selain itu, dasar ekonomi bebas cukai yang dikemukakan oleh gabenor telah menarik banyak pedagang dari pelbagai negara. Para pedagang Belanda adalah antara orang asing yang menjalankan perniagaan dengan Songkhla. Para pedagang Belanda itu bahkan telah menubuhkan sebuah syarikat untuk menjual lada mereka, yang merupakan perdagangan utama. Bukti hubungan ekonomi dan pemukiman orang-orang Belanda di Songkhla adalah tanah perkuburan yang dikenali secara tempatan sebagai Kuburan Vilanda (Belanda) dan peninggalan barang-barang Belanda yang terdapat di kawasan itu.²⁵

Sebuah kajian geofizik menggunakan kaedah penjelajahan radar telah dilakukan dan berjaya mengesan keberadaan keranda di dalam tanah perkuburan Belanda ini.²⁶

Selain itu, ada pula sebuah peninggalan Kesultanan Singgora yang tidak terdapat di lokasi kesultanan tersebut. Peninggalan sejarah yang penting tersebut adalah sebuah meriam laras panjang dengan cap mohor Kesultanan Singgora yang kini terpapar di hadapan Royal Hospital Chelsea, London, Britain (Rajah 8a). Semasa Perang Burma-Siam (1765-1767), meriam ini dirampas oleh tentera Burma dan dibawa ke Burma. Meriam tersebut kemudian diambil oleh pihak Britain pada masa Perang Britain-Burma Ketiga (1885-1887) dan dibawa ke Britain.²⁷ Meriam ini terbuat daripada tembaga yang memiliki tulisan daripada perak yang dibuat oleh seorang pengukir bernama Tun Juma'at Abu Mundus daripada Singgora.²⁸ Tulisan pada meriam tersebut terdiri daripada 11 syair dengan tiga syair dalam tulisan Arab dan selebihnya dalam tulisan Melayu Jawi tentang perjuangan.²⁹ Penjelasan ini juga dinyatakan pada papan tanda yang terdapat di hadapan meriam berkenaan. Antara tulisan dalam bahasa Melayu Jawi tersebut adalah sebagai berikut (Rajah 8b-e):

*Meriam diperbuat adalah sudah
Mengucap syukur ke hadirat Allah
Jadikan tanda meninggalkan mannah
Akan membunuh kafir 'alayhil la'nah*

*Ingat-ingat engkau hai anak dagang
Ke tanah juga kita akan pulang
Tuntutilah olehmu ghazi berperang
Janji Tuhan ke jannat datang*

*Darussalam jannat juga
Jannat tempat rahmat juga
Penuh dengan nikmat juga
Duduk kekal dengan suka juga*

²⁵ Ministry of Culture Thailand (2011), "Kuburan Belanda (Bahasa Thai)," <http://www.m-culture.in.th/album/5875>.

²⁶ Apichat Phattanaviriyapisarn, Warawutti Lohawijarn, dan Tharapong Srisuchat (1998), "Radar Investigation of Ancient Dutch Cemetery in Southern Thailand," *Proceedings of the IV Meeting of the Environmental and Engineering Geophysical Society, Instituto Geográfico Nacional*, h. 727-730.

²⁷ R. S. Scrivener (1981), "The Siamese Brass Cannon in the Figure Court of the Royal Hospital, Chelsea, London," *Journal of the Siam Society*, Jil. 69, h. 169.





²⁸ Amin Sweeney (1971), "Some Observations on the Malay Sha'ir," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 4, Bil. 1, h. 52.

²⁹ C. O. Blagden (1941), "A XVIIth Century Malay Cannon in London," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 19, Bil. 1, h. 122-124.

Daulat tuanku sebagai datang
Seperti sabak air yang pasang
Di taufiqillahi rabbil 'alam
Dan binuril iman tatkalanya datang

Jahat bebal hamba latehan
Berbuat meriam dihadirkan
Akan kafir syirik zalim ke neraka jahanam
Akan dipandang sahabat meninggalkan zaman

Rajah 8. (a) Salah sebuah meriam Kesultanan Singgora yang tersimpan di Royal Hospital Chelsea, London, Britain; (b – e) Tulisan Melayu Jawi yang terpahat pada meriam tersebut.



Kesimpulan

Kesemua peninggalan Kesultanan Singgora dari abad ke-17 M merupakan warisan sejarah ketamadunan Melayu-Islam yang menunjukkan bahawa wilayah Songkhla di Thailand Selatan yang wujud sekarang ini pada mulanya adalah bandar Singgora yang didirikan oleh orang-orang Melayu beragama Islam. Selain daripada adanya makam Sultan Sulaiman Shah dan keluarganya sebagai bukti kewujudan Kesultanan Singgora, keberadaan beberapa tapak arkeologi penting lainnya yang meliputi tembok kota, jaringan kubu pertahanan, dan parit pertahanan merupakan bukti kejayaan kesultanan ini dalam mempertahankan wilayah kekuasaannya. Selain itu, terdapat juga peninggalan lain berupa tanah perkuburan Belanda di kawasan tersebut sebagai bukti kehadiran orang-orang Belanda di masa

kesultanan tersebut. Sebuah meriam Sultan Sulaiman yang kini terletak di Royal Hospital Chelsea, London, Britain menunjukkan bahwa kesultanan ini telah mampu memiliki teknologi pertahanan yang cukup baik pada zaman tersebut. Tapak-tapak peninggalan sejarah ini amatlah penting untuk dipelihara dan dilindungi untuk diambil iktibar bagi generasi sekarang dan akan datang, selain daripada sebagai tarikan pelancong.

Penghargaan

Penulis ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Maklumat Arkeologi Songkhla dan Amanah Warisan Songkhla (*Songkhla Heritage Trust*) serta warga tempatan di Khao Daeng, Singhanakhon dan semua pihak yang telah membantu menyelesaikan kajian ini.

Rujukan

Blagden, C. O. (1941), "A XVIIth Century Malay Cannon in London," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 19, Bil. 1, 122-124.

Chouchaisit, P. (2007), "The Study of Cultural Heritage Management of Wat Matchimawat (Wat Klang), Songkhla Province, Thailand," Tesis Kedoktoran, Silpakorn University.

Choungsakul, S. (2006), "The Role of Chinese Traders on the Growth of Songkhla," *Manusya Journal of Humanities*, Jil. 9, Bil. 2, 44-65.

Chularatana, J. (2013), "Muslim Syiah di Thailand: Dari Periode Ayutthaya Sampai Sekarang," dalam Dicky Sofjan (ed.), *Sejarah dan Budaya Syiah di Asia Tenggara*, Yogyakarta: Sekolah Pascasarjana Universitas Gadjah Mada, 109-138.

Dheeradilok, P. (2007). *Geology for the Development of Songkhla Lake Basin, Thailand*, Bangkok: Department of Mineral Resources, Thailand.

Falarti, M. M. (2013), *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society*, Plymouth: Lexington Books.

Gervaise, N. (1688), *Histoire Naturelle et Politique du Royaume de Siam* (Bahasa Perancis), Paris: Claude Barbin.

Horstmann, A. (2008), "Pilgrimage and the Making of Ethnic Identities in the Plural Peninsula," dalam Michael J. Montesano dan Patrick Jory (ed.), *Thai South and Malay North: Ethnic Interactions on a Plural Peninsula*, Singapore: NUS Press, 273-291.

Loubère, S. (1693), *A New Historical Relation of the Kingdom of Siam*, Vol. 1, London: Horne.

Ministry of Culture Thailand (2011), "Kubu dan Tembok Kota Singgora (Bahasa Thai)," www.m-culture.in.th/album/166220.

Ministry of Culture Thailand (2011), "Kuburan Belanda (Bahasa Thai)," <http://www.m-culture.in.th/album/5875>.

Phattanaviriyapisarn, A., Lohawijarn, W. dan Srisuchat, T. (1998), "Radar Investigation of Ancient Dutch Cemetery in Southern Thailand," Proceedings of the IV Meeting of the Environmental and Engineering Geophysical Society, Instituto Geográfico Nacional.

Ravenswaay, L. F. van. (1910), "Translation of van Vliet's Description of the Kingdom of Siam," *Journal of the Siam Society*, Jil. 7, Bil. 1, 1-108.

Royal Thai Navy (2014), "Sejarah Keluarga Sultan Sulaiman (Bahasa Thai)," <http://www.navy.mi.th/navic/document/840806a.html>. Diakses pada 15 November 2020.

Scrivener, R. S. (1981), "The Siamese Brass Cannon in the Figure Court of the Royal Hospital, Chelsea, London," *Journal of the Siam Society*, Jil. 69, 169-171.

Suratthani Tourist Information (2011), "Good Man Town," http://media.suratthani.go.th/document/good_man_town/PDF_Zone_1_I.

Sweeney, A. (1971), "Some Observations on the Malay Sha'ir," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 4, Bil. 1, 52-70.

Yoshiteru, I. and Bytheway, S. J. (2011), "Japan's Official Relations with Shamuro (Siam), 1599–1745," *Journal of the Siam Society*, Jil. 99, 81-104.

Zakir, S. M. (2012), "Kerajaan Melayu Singgora di Songkhla," *Pusat Kajian Budaya dan Sains Nusa Centre*, <http://nusacentre.org/penyelidikan/penyelidikan-2/>.

